

KENYATAAN MEDIA

Covid-19 : Kes positif harian lebih angka 4,000 untuk tempoh 2 bulan

KUALA LUMPUR, 21 Julai 2021: Pusat Penyelidikan Undian UCSI mendapati rata-rata responden berpendapat bahawa Malaysia akan terus merekod angka kes harian positif Covid-19 melebihi angka 4,000 untuk tempoh terdekat ini.

Seramai 941 responden yang terdiri daripada 53.9% wanita dan 46.1% lelaki di seluruh negara ditanya dalam kaji selidik terkini soal jangkaan mereka, tempoh negara boleh mencapai bawah 4,000 kes harian.

Keputusan menunjukkan 55.7% memilih lebih dua bulan, 23% memilih kurang dua bulan dan 15.5% memilih kurang sebulan manakala 5.8% lagi memilih kurang daripada dua minggu.

Dalam kaji selidik sama, responden ditanya tentang pandangan mereka berhubung keberkesanan pakej PEMULIH yang dilaksanakan kerajaan dalam membantu mereka berdepan pandemik. Keputusan menunjukkan 37.8% responden berpendapat tidak pasti, 31.5% berpendapat ia tidak berkesan manakala 30.7% berpendapat ia berkesan.

Responden turut ditanya berkaitan senarai PEMULIH mana yang paling penting untuk mereka:

PEMULIH	Peratusan
Bantuan tunai langsung - Bantuan Prihatin Rakyat (BPR) dan Bantuan Khas Covid-19 (BKC)	21.9%
RM400 juta bagi menambah bekalan vasin negara bagi menampung 130% populasi rakyat	13.7%
Moratorium 6 bulan kepada semua peminjam individu dan usahawan mikro	13.4%
Diskaun bil elektrik dan data internet	11.5%
Pengeluaran i-Citra RM1,000 setiap bulan bagi tempoh 5 bulan daripada akaun KWSP	10.9%
Program bakul makanan, peruntukan RM300,000 kepada ahli Parlimen untuk membantu golongan yang terjejas	9.7%
Bantuan RM500 bagi yang hilang pekerjaan berdasarkan data KWSP, Perkeso	8.5%
Peruntukan RM200 juta untuk 29 pusat pemberian vaksin baharu dan menaik taraf yang sedia ada	6.2%
Memperluaskan sokongan psikososial melalui saluran seperti “talian kasih” dan peruntukan RM15 juta untuk NGO	2.2%
Peruntukan RM125 juta melalui HRD Corp untuk melaksanakan inisiatif ‘Place and Train’ di bawah program Janapreneur.	2.0%

Berdasarkan keputusan kaji selidik kali ini, Pusat Penyelidikan Undian UCSI melihat kerajaan perlu bersedia dengan strategi yang lebih komprehensif memandangkan peningkatan angka kes positif harian ini akan menjejaskan aktiviti ekonomi negara.

Maklumat lanjut, sila hubungi kami melalui emel ucsipoll@ucsigroup.com.my atau layari laman sesawang <https://www.ucsipoll.org.my/>

Disclaimer

UCSI Poll Research Centre produced this press release to provide information on the stated subject matter. UCSI Poll Centre hereby certifies that all views expressed in this press release are an accurate reflection of the opinions from the respondents participated in the poll. However, it cannot be generalised to represent the views of all Malaysians. UCSI Poll Research Centre believes that the background information is based on information from various sources that the Centre believes are reliable. No representation is made that it is accurate or complete.

Whilst reasonable care has been taken when preparing this release, no responsibility or liability is accepted for errors or fact or any views expressed herein by UCSI Poll Centre for actions taken as a result of information provided in this report. Any forecasts, estimates, ratings, views or opinions herein constitute a judgment as at the date of this document. If the date of this document is not current, the views and content may not reflect UCSI Poll Centre's present findings and or thinking.

UCSI Poll Centre is willing to share the results from our polls with the general public, with the acknowledgement of UCSI Poll Centre as the author whenever and wherever our poll results are used, cited or published.